

**MOTIVASI PENGLIBATAN REKREASI LUAR
DALAM KALANGAN MASYARAKAT LUAR
BANDAR DAN BANDAR DI IPOH, PERAK**

HASNIZAM BIN AB DULHAMID

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2023

**MOTIVASI PENGLIBATAN REKREASI LUAR
DALAM KALANGAN MASYARAKAT LUAR
BANDAR DAN BANDAR DI IPOH, PERAK**

oleh

HASNIZAM BIN AB DULHAMID

**Tesis diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

September 2023

PENGHARGAAN



Syukur alhamdulillah segala puji bagi ALLAH S.W.T kerana dengan izin dan rahmat kurniaan dariNYA, tesis Ijazah Doktor Falsafah ini dapat disiapkan sepenuhnya dengan sempurna.

Sekalung penghargaan dan ucapan terima kasih dihulurkan kepada penyelia utama iaitu Dr. Mohd Ismail bin Isa dan juga penyelia bersama Profesor Dr. Badaruddin bin Mohamed yang banyak membantu dalam memberi tunjuk ajar, pandangan, serta panduan bagi menyiapkan kajian ini. Segala ilmu dan tunjuk ajar yang telah diberikan sepanjang proses menyiapkan tesis ini amatlah dihargai dan hanya ALLAH S.W.T sahaja yang dapat membalasnya.

Ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan turut diberikan kepada individu yang terlibat dari Dewan Bandaraya Ipoh iaitu Encik Nazriman bin Jamaluddin, PLANMalaysia@Perak, kelab-kelab rekreasi Negeri Perak, dan responden yang terlibat secara langsung di dalam kajian ini. Penghargaan juga diberikan kepada rakan-rakan sejawatan di Jabatan Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak atas masa, sokongan, dan bantuan yang diberikan sepanjang menyiapkan tesis. Dalam pada itu, penghargaan ini juga turut didedikasikan kepada tiga orang pembantu penyelidik iaitu pelajar Tahun 3 Diploma Perancangan Bandar dan Wilayah, Universiti Teknologi Mara Cawangan Perak di atas kelapangan masa dalam membantu di dalam proses bagi mengumpul data di kawasan kajian.

Ucapan khas ditujukan kepada kedua ibu bapa iaitu Ab Dulhamid bin Udin dan Kamariah binti Kamaruddin, isteri Nur Fatima Wahida binti Mohd Nasir, dan puteri kesayangan Indah Nur Insyirah binti Hasnizam yang sentiasa menjadi tulang belakang dalam memberikan sokongan dan semangat yang menjadi sumber kekuatan di dalam melengkapkan tesis ini. Segala doa dan sokongan yang diberikan amatlah dihargai.

Akhir kata, semoga kajian ini dapat dijadikan sebagai rujukan dan panduan dalam bidang perancangan bandar terutamanya bagi penyediaan dan perancangan kawasan rekreasi luar pada masa akan datang.

Sekian.

HASNIZAM BIN AB DULHAMID

Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan

Universiti Sains Malaysia (USM), Pulau Pinang

2023

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN	ii
SENARAI KANDUNGAN	iv
SENARAI JADUAL	x
SENARAI RAJAH	xiii
SENARAI SINGKATAN	xiv
SENARAI LAMPIRAN	xv
ABSTRAK	xvi
ABSTRACT	xviii
BAB 1 PENDAHULUAN	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.2 Kawasan Luar Bandar	4
1.3 Kawasan Bandar	5
1.4 Perbandingan Kawasan Luar Bandar Dan Bandar.....	6
1.5 Perundangan dan Dasar Berkaitan Penyediaan Kawasan Lapang dan Rekreasi.....	7
1.6 Penyataan Masalah.....	8
1.7 Tujuan Kajian.....	11
1.8 Objektif Kajian.....	12
1.9 Persoalan Kajian	12
1.10 Signifikan Kajian	13
1.11 Metodologi Kajian	14
1.12 Struktur dan Organisasi Kajian	14
1.13 Rumusan.....	15
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	17
2.1 Pengenalan	17
2.2 Rekreasi.....	18

2.2.1	Rekreasi Luar	19
2.3	Ruang Luar Bandar-Bandar Dan Rekreasi Luar	21
2.3.1	Pengkelasan Kawasan Luar Bandar Dan Bandar.....	24
2.3.2	Luar Bandar.....	25
2.3.3	Bandar	27
2.4	Hierarki Kawasan Lapang dan Rekreasi di Malaysia	28
2.5	Aktiviti Rekreasi Berdasarkan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).....	31
2.6	Konsep Penglibatan Masyarakat Dalam Konteks Rekreasi Luar	33
2.7	Faktor-Faktor Mempengaruhi Penglibatan Masyarakat Dalam Aktiviti Rekreasi Luar.....	35
2.7.1	Ciri-ciri Demografi (Umur dan Penglibatan Rekreasi).....	36
2.7.2	Faktor Sosio Ekonomi.....	38
2.7.3	Ikatan/Interaksi Sosial.....	39
2.7.4	Faktor Kemajuan Teknologi	40
2.7.5	Faktor Kesihatan	41
2.7.6	Faktor Keselamatan.....	43
2.8	Motivasi Terhadap Penglibatan Aktiviti Rekreasi Luar	44
2.8.1	<i>'Recreation Experience Preference (REP) 'Scales'</i>	46
2.8.2	<i>(REP) 'Scales' Sebagai 'Experiential Approach'</i>	50
2.8.3	Pengukuran <i>'Intrinsic dan Extrinsic Motivation Theory'</i> Terhadap Penglibatan Rekreasi Luar	52
2.8.4	Pendekatan Kepada Teori Rekreasi: Motivasi, Keperluan, Tingkah Laku dan <i>'Self Determination Theory'</i>	56
2.8.5	<i>'Self Determination Theory'</i>	60
2.9	Teori Kepadatan Penduduk Luar Bandar Berbanding Bandar.....	64
2.10	Penglibatan Masyarakat Luar Bandar dan Bandar Dalam Rekreasi Luar	66
2.11	Faktor Halangan Dalam Mempengaruhi Penglibatan Aktiviti Rekreasi Luar	70

2.12	Strategi Di Dalam Rundingan Halangan Penglibatan Rekreasi Luar	77
2.13	Jurang Di Dalam Kajian Literatur (<i>Gaps in Literature Review</i>).....	79
2.14	Model Pemilihan Penglibatan Aktiviti Rekreasi Luar	84
2.15	Rangka Kerja Penyelidikan (<i>Research Framework</i>)	86
	2.15.1 Rangka Kerja Teoritikal (<i>Theoretical Framework</i>).....	87
	2.15.2 Rangka Kerja Konseptual (<i>Conceptual Framework</i>).....	87
2.16	Rumusan.....	89
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN.....		91
3.1	Pengenalan	91
3.2	Reka Bentuk Kajian	91
3.3	Proses Penyelidikan	94
	3.3.1 Pembentukan Soal Selidik	94
	3.3.2 Fasa 1 - Langkah 1: Pembentukan Soal Selidik.....	95
	3.3.3 Fasa 2 - Langkah 2: ' <i>Face Validity</i> ' dan ' <i>Contents Validity</i> '	96
	3.3.4 Langkah 3: Kajian Rintis (<i>Pilot Test of the Instrument</i>).....	98
	3.3.5 Langkah 4: Ujian Kebolehpercayaan (<i>Test of Reliability</i>).....	100
	3.3.6 Langkah 5: Menyemak Semula Instrumen	102
	3.3.7 Langkah 6: Kajian Lapangan	102
3.4	Kaedah Penyelidikan.....	102
3.5	Kaedah Pengumpulan Data.....	103
	3.5.1 Prosedur Kajian.....	105
	3.5.2 Reka Bentuk Soal Selidik	107
	3.5.3 Pembangunan Instrumen Kajian (Soal Selidik).....	118
	3.5.4 Responden Kajian	122
3.6	Populasi dan Saiz Sampel	123
	3.6.1 Teknik Persampelan	125
3.7	Pengukuhan Instrumen Kajian	125

3.7.1	<i>'Face Validity'</i>	126
3.7.2	<i>'Content Validity'</i>	127
3.7.3	Kajian Rintis (<i>Pilot Test</i>)	130
3.7.4	Kajian Lapangan	132
3.8	Analisis Data	132
3.8.1	Analisis Kebolehpercayaan.....	132
3.8.2	Analisis Statistik Deskriptif	136
3.8.3	Analisis Indeks Relatif Kepentingan atau <i>Relative Important Index (RII)</i>	137
3.8.4	Analisis <i>T-Test</i>	139
3.8.5	Analisis Regresi Mudah	139
3.8.6	Analisis Korelasi	140
3.9	Pemilihan Kawasan Kajian	141
3.10	Rumusan.....	144
BAB 4	ANALISIS DATA DAN PENEMUAN KAJIAN	145
4.1	Pengenalan	145
4.2	Bahagian A: Analisis Responden.....	146
4.2.1	Tempat Tinggal Responden	146
4.2.2	Profil Demografi	149
4.3	Bahagian B: Analisis Ciri-Ciri Penglibatan Rekreasi Luar	155
4.3.1	Waktu Penglibatan Rekreasi Luar.....	155
4.3.2	Aktiviti Rekreasi Pilihan.....	158
4.3.3	Tujuan Penglibatan Rekreasi Luar	160
4.3.4	Kemudahan Pengangkutan Bagi Tujuan Penglibatan Rekreasi Luar	163
4.3.5	Kekerapan Penglibatan Rekreasi Luar	165
4.3.6	Jangka Masa Penglibatan Rekreasi Luar	166
4.3.7	Faktor Kurang Meluangkan Masa dalam Penglibatan Rekreasi Luar	168

4.3.8	Faktor Fizikal yang Mendorong Penglibatan Rekreasi Luar	170
4.3.9	Penilaian Kepentingan Penglibatan Rekreasi Luar	173
4.4	Bahagian C: Analisis Faktor Motivasi Penglibatan Rekreasi Luar.....	176
4.4.1	Faktor Motivasi Penglibatan Rekreasi Luar.....	176
4.4.2	Kepuasan Diri Terhadap Penglibatan Rekreasi Luar.....	186
4.4.3	Impak Daripada Penglibatan Aktiviti Rekreasi Luar.....	189
4.4.4	Kriteria Kualiti Pemilihan Kawasan Rekreasi	191
4.5	Perbezaan Faktor Motivasi antara Masyarakat Luar Bandar dan Bandar	194
4.5.1	Perbandingan Faktor Motivasi antara Masyarakat Luar Bandar dan Bandar.....	195
4.5.2	Perbandingan Faktor Halangan antara Masyarakat Luar Bandar dan Bandar.....	197
4.6	Analisis Regresi Terhadap Faktor Halangan Yang Mempengaruhi Kepada Motivasi Penglibatan Rekreasi Luar.....	200
4.6.1	Perbandingan Analisis Regresi Mengikut Pecahan Kawasan Luar Bandar dan Bandar	200
4.6.2	Analisis Regresi Keseluruhan Faktor Halangan yang Mempengaruhi Penglibatan Rekreasi Luar.....	205
4.7	Analisis Korelasi antara Faktor Motivasi dan Faktor Halangan Dalam Penglibatan Rekreasi Luar.....	209
4.7.1	Perbandingan Perhubungan Antara Faktor Motivasi dan Faktor Halangan Bagi Kawasan Luar Bandar dan Bandar	210
4.7.2	Analisis Korelasi Keseluruhan antara Faktor Motivasi dan Faktor Halangan Bagi Kawasan Luar Bandar dan Bandar	214
4.8	Rumusan.....	217
BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN, DAN KESIMPULAN.....		218
5.1	Pengenalan	218
5.2	Rumusan Penemuan Kajian	218
5.2.1	Rumusan Kepada Penemuan Faktor Sosiodemografi.....	223
5.2.2	Rumusan Kepada Penemuan Motivasi Penglibatan Rekreasi Luar	226

5.2.3	Rumusan Kepada Penemuan Faktor Halangan Penglibatan Rekreasi Luar	232
5.2.4	Halangan Penglibatan Rekreasi Luar Semasa Penularan Pandemik Covid-19 dan Pengaruh Perkembangan Teknologi	235
5.3	Cadangan Meningkatkan Motivasi Penglibatan Rekreasi Dalam Kalangan Masyarakat Luar Bandar Dan Bandar	237
5.3.1	Pengurusan Dalam Penyediaan Kemudahan Kawasan Rekreasi.....	238
5.3.2	Strategi Dalam Menggalakan Motivasi Penglibatan Rekreasi Luar	240
5.3.3	Strategi Rundingan Halangan Dalam Penglibatan Rekreasi Luar	245
5.4	Implikasi Kajian Terhadap Teoritikal dan Cadangan Pengubahsuaianya.....	248
5.5	Implikasi Ilmiah	249
5.6	Implikasi Praktikal	253
5.7	Cadangan Kajian Masa Hadapan	256
5.8	Kesimpulan	259
	RUJUKAN	261
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 2.1	Hierarki Kawasan Lapang dan Rekreasi 30
Jadual 2.2	(<i>REP</i>) ' <i>scales</i> ' Bagi Mengukur Motivasi dan Pengalaman Rekreasi 49
Jadual 2.3	Jenis-Jenis Motivasi..... 58
Jadual 2.4	Sebilangan daripada Kajian Terdahulu Mengenai Motivasi dan Halangan Penglibatan Rekreasi Luar 80
Jadual 3.1	Sebilangan Daripada Kajian Terdahulu Mengenai Penggunaan Kaedah Kuantatif 93
Jadual 3.2	Kategori dan Domain Motivasi Soal Selidik..... 114
Jadual 3.3	Kriteria Keutamaan Penilaian Kawasan Rekreasi Luar 116
Jadual 3.4	Item Faktor Halangan Soal Selidik..... 117
Jadual 3.5	Pembangunan Instrumen Kajian (Soal Selidik)..... 120
Jadual 3.6	Saiz Sampel Berdasarkan Jumlah Populasi 124
Jadual 3.7	Pengkodan Semula Skala..... 128
Jadual 3.8	Tahap Perkaitan dengan Domain yang Diukur..... 128
Jadual 3.9	Kadar Perkaitan dan kadar Purata 129
Jadual 3.10	Pengiraan I-CVI dan S-CVI 129
Jadual 3.11	Interpretasi Skor ' <i>Cronbach Alpha</i> ' (α) 133
Jadual 3.12	Nilai ' <i>Chrobach Alpha</i> ' Item Borang Soal Selidik (Keseluruhan Item) 134
Jadual 3.13	Nilai ' <i>Chrobach Alpha</i> ' Item Motivasi Penglibatan Rekreasi Luar..... 135
Jadual 3.14	Nilai ' <i>Chrobach Alpha</i> ' Item Halangan Penglibatan Rekreasi Luar..... 135
Jadual 4.1	Pecahan Kategori Utama Analisis 145
Jadual 4.2	Pecahan Lokasi Tempat Tinggal Responden..... 147
Jadual 4.3	Profil Demografi Responden Kajian ($n=384$) 151

Jadual 4.4	Penglibatan Rekreasi Luar di Kalangan Masyarakat Luar Bandar dan Bandar	156
Jadual 4.5	Aktiviti Rekreasi Luar	158
Jadual 4.6	Tujuan Utama Penglibatan Rekreasi Luar	161
Jadual 4.7	Kemudahan Pengangkutan Pengguna Rekreasi	164
Jadual 4.8	Kekerapan Penglibatan Rekreasi Luar	165
Jadual 4.9	Jangka Masa Penglibatan Rekreasi Luar	167
Jadual 4.10	Faktor Kurangnya Penglibatan Rekreasi Luar.....	169
Jadual 4.11	Faktor Fizikal yang Mendorong Penglibatan Rekreasi Luar.....	171
Jadual 4.12	Penilaian Tahap Kepentingan Penglibatan Rekreasi Luar	173
Jadual 4.13	Jadual Tabulasi Silang Bagi Umur dan Penilaian Kepentingan Penglibatan.....	174
Jadual 4.14	Nilai Skor RII Dan <i>Ranking</i> Keseluruhan Bagi Faktor Motivasi Penglibatan Rekreasi Luar.....	177
Jadual 4.15	Nilai RII Dan <i>Ranking</i> Bagi Faktor Motivasi Interaksi Sosial (Kebersamaan)	181
Jadual 4.16	Nilai RII Dan <i>Ranking</i> Bagi Faktor Kesihatan Fizikal dan Kecergasan.....	182
Jadual 4.17	Nilai RII Dan <i>Ranking</i> Bagi Faktor Berehat	183
Jadual 4.18	Nilai RII Dan <i>Ranking</i> Bagi Faktor Interaksi Dengan Persekitaran	184
Jadual 4.19	RII Dan <i>Ranking</i> Bagi Faktor Ketenangan.....	185
Jadual 4.20	Nilai RII Dan <i>Ranking</i> Bagi Kepuasan Penglibatan Rekreasi	187
Jadual 4.21	Impak Daripada Penglibatan Aktiviti Rekreasi Luar	190
Jadual 4.22	Nilai RII Dan <i>Ranking</i> Bagi Kriteria Pemilihan Kawasan Rekreasi	192
Jadual 4.23	Keputusan ' <i>T-Test</i> ' dan Analisis Deskriptif Bagi Penglibatan Rekreasi Luar (Motivasi).....	196
Jadual 4.24	Keputusan ' <i>T-Test</i> ' dan Analisis Deskriptif Bagi Penglibatan Rekreasi Luar (Halangan).....	199

Jadual 4.25	Ringkasan Model Regresi Faktor Halangan Penglibatan Rekreasi Luar.....	201
Jadual 4.26	Analisis Regresi ANOVA Faktor Halangan Penglibatan Rekreasi	202
Jadual 4.27	Uji Pekali Regresi untuk Faktor Halangan Penglibatan Rekreasi Luar.....	203
Jadual 4.28	Ringkasan Model Regresi Faktor Halangan Penglibatan Rekreasi Luar.....	205
Jadual 4.29	Analisis Regresi ANOVA Faktor Halangan Penglibatan Rekreasi Luar.....	206
Jadual 4.30	Uji Pekali Regresi untuk Faktor Halangan Penglibatan Rekreasi Luar.....	206
Jadual 4.31	Perbandingan Perhubungan Antara Motivasi dan Halangan Bagi Kawasan Luar Bandar dan Bandar	210
Jadual 4.32	Perhubungan Keseluruhan Antara Faktor Motivasi dan Faktor Halangan	214
Jadual 4.33	Tafsiran Magnitud Pekali Korelasi yang Signifikan	215

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 2.1	Rekreasi luar memberi tumpuan kepada persimpangan antara dua dimensi manusia dan dimensi sumber semulajadi 34
Rajah 2.2	Model Hierarki Halangan 74
Rajah 2.3	Keseimbangan antara halangan dan motivasi..... 76
Rajah 2.4	Model pemilihan aktiviti rekreasi..... 85
Rajah 2.5	Formulasi ringkas terhadap hasil daripada penglibatan aktiviti rekreasi 86
Rajah 2.6	Rangka kerja teoritikal bagi motivasi dan halangan penglibatan rekreasi luar..... 87
Rajah 2.7	Rangka kerja konseptual bagi motivasi dan halangan penglibatan rekreasi melalui <i>Self Determined Motivation</i> 88
Rajah 3.1	Proses-Proses di Dalam Pembentukan Instrumen Kajian..... 94
Rajah 3.2	Daerah Kinta..... 143
Rajah 5.1	CEM Model Di Dalam Rundingan Halangan..... 247
Rajah 5.2	Cadangan Pengubahsuaian Rangka Kerja Konseptual Motivasi dan Halangan Penglibatan Rekreasi Luar Dalam Konteks Rundingan Halangan Penglibatan 249

SENARAI SINGKATAN

CPTED	<i>Crime Prevention Through Environmental Design</i>
DLN	Dasar Landskap Negara
DPLB	Dasar Pembangunan Luar Bandar
DPN2	Dasar Perbandaran Negara Kedua
EM	<i>Extrinsic Motivation</i>
IM	<i>Intrinsic Motivation</i>
I-CVI	<i>Item- Content Validity Index</i>
JPBDSM	Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia (PLANMalaysia@Semenanjung)
KBS	Kementerian Belia Dan Sukan
KKM	Kementerian Kesihatan Malaysia
MCT	<i>Measure of Central Tendency</i>
OKU	Orang Kurang Upaya
PAL	<i>Paragraph About Leisure</i>
PBPT	Pihak Berkuasa Perancang Tempatan
<i>REP 'Scales'</i>	<i>Recreation Experiences Preferences Scales</i>
RII	<i>Relative Important Index</i>
RFN4	Rancangan Fizikal Negara Keempat
RMK12	Rancangan Malaysia Ke12
<i>SEE</i>	<i>Standard Error of the Estimate</i>
SPSS	<i>Statistical Package for Social Sciences</i>
SLS	<i>Subjective Leisure Scale</i>
SDT	<i>Self-Determination Theory</i>
S-CVI	<i>Scale- Level Content Validity Index</i>
<i>SOP</i>	<i>Standard of Procedure</i>
WHO	<i>World Health Organization</i>

SENARAI LAMPIRAN

Lampiran 1	Purata hasil penilaian daripada lima panel yang telah dipilih.
Lampiran 2	Maklum Balas dan Analisis RII Bagi Kawasan Luar Bandar
Lampiran 3	Maklum Balas dan Analisis RII Bagi Kawasan Bandar
Lampiran 4	Borang Soal Selidik
Lampiran 5	<i>Questionnaire</i>

MOTIVASI PENGLIBATAN REKREASI LUAR DALAM KALANGAN MASYARAKAT LUAR BANDAR DAN BANDAR DI IPOH, PERAK

ABSTRAK

Aktiviti rekreasi luar telah dianggap sangat penting dan menjadi sebahagian dalam kehidupan harian kerana sumbangannya kepada manusia. Popularitinya harus dikekalkan pada masa hadapan kerana pengaruh yang diberikan kepada aktiviti pembangunan dan perkembangan sektor ekonomi serta industri professional. Umum mengetahui bahawa penglibatan rekreasi luar memberikan pelbagai manfaat kepada masyarakat, namun penglibatan secara aktif perlu berhadapan dengan pelbagai faktor halangan yang berkemungkinan mengurangkan penglibatan masyarakat. Di Malaysia, terdapat banyak kajian yang telah memberi fokus kepada motivasi dan halangan penglibatan rekreasi luar, namun tiada kajian yang lebih terarah dalam memahami motivasi dan halangan penglibatan rekreasi luar di kalangan masyarakat luar bandar dan bandar. Ini penting kerana, perkembangan teknologi telah mempengaruhi tren penglibatan rekreasi luar dan seterusnya sedikit sebanyak mengubah cara dan gaya hidup masa kini seperti keinginan untuk lebih berada di dalam bangunan, lebih memilih gaya hidup sedentari, ancaman penularan wabak penyakit berjangkit, dan ketersediaan kawasan lapang dan rekreasi yang terhad. Hal ini telah menyukarkan dan mengurangkan penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat. Oleh itu, tujuan penerokaan kajian kuantitatif ini adalah untuk mengenalpasti motivasi penglibatan rekreasi luar dan halangan yang mengekang kepada penglibatan individu. Dapatan kajian dilakukan dengan melibatkan seramai 384 orang penduduk di Ipoh, Perak dari dua kategori kawasan yang berbeza melalui borang soal selidik yang telah disediakan dan diedar kepada kelab-kelab sukan dan rekreasi yang terdapat di Ipoh. Kajian ini

telah menggunakan analisis *Relative Importance Index (RII)* yang bertujuan untuk mengenal pasti faktor motivasi dan diikuti dengan analisis regresi mudah untuk mengenal pasti faktor halangan yang mempengaruhi penglibatan rekreasi luar. Dapatan kajian telah menunjukkan sedikit variasi dalam motivasi penglibatan rekreasi luar, apabila masyarakat dari luar bandar menjadikan 'keinginan menikmati kawasan semula jadi' sebagai faktor motivasi, dan 'ingin merehatkan minda' adalah dari mereka yang berada di bandar. Keputusan ini menjelaskan masyarakat dari kedua-dua kawasan ini menjadikan 'elemen semula jadi' sebagai motivasi utama di dalam penglibatan rekreasi luar. Dalam pada itu, masyarakat luar bandar dan bandar telah menyifatkan 'ketiadaan masa' sebagai faktor halangan yang paling mempengaruhi kepada penglibatan rekreasi luar. Justeru, hasil kajian ini seharusnya memberikan sumbangan kepada kepentingan ilmiah berkaitan motivasi dan halangan dalam penglibatan rekreasi luar. Secara tidak langsung, kajian ini memberikan gambaran kepada masyarakat Malaysia untuk terus meningkatkan penglibatan diri dalam aktiviti rekreasi luar melalui dorongan, penentuan diri, pengalaman, serta pencapaian kerana sifat-sifat ini dilihat sebagai kekuatan dalam motivasi seseorang pengguna rekreasi.

MOTIVATION OF OUTDOOR RECREATION PARTICIPATION AMONG THE RURAL AND URBAN COMMUNITIES IN IPOH, PERAK

ABSTRACT

Outdoor recreational activities are considered as a significant part of human daily life because of the beneficial outcomes it brings for a healthy lifestyle among communities. The popularity of recreational activities must be maintained as it is seen as an important factor that can influence the future of professional industrial sectors and economic development. Although ample studies have shown the profound benefits of recreational activities, the Malaysian community is still faced with many challenges in order to actively engage oneself in these activities. Literature shows that studies on motivation and barriers of outdoor recreational activities have been conducted in the past, however they do not focus on understanding the subject matter among rural and urban communities. Some of the factors that have been highlighted in which leads to the decreasing involvement of outdoor recreation activities during a person's free time are the influence of technological advancement, preferring a sedentary lifestyle, the threat of infectious disease and outbreaks, and the availability of open spaces and limited recreation. This quantitative research study therefore, aimed at identifying the motivational factors for outdoor recreation involvement as well as the constraints that hinder individual involvement by including a number of 384 residents in Ipoh, Perak from two different categories of these areas through a questionnaire which was developed and distributed among sports and recreation clubs in Ipoh. In collecting data, the study applied a Relative Importance Index (RII) analysis while a simple regression analysis was used as the primary approach to identify barrier factors

influencing outdoor recreation involvement. Findings of the study showed slight variations as communities from the rural areas stated that ‘the desire to enjoy the natural area’ was selected as the main motivational factor while urban communities chose ‘to relax the mind’ as their main motivational factor. These results indirectly reflect that communities from both rural and urban areas make natural elements as their main motivation to be involved in outdoor recreation. Moreover, both rural and urban communities described ‘lack of time’ as the major influential factor that hinders their involvement in outdoor recreation. Overall, the results of this study are believed to provide important contribution to the knowledge of motivation and barriers of outdoor recreation involvement. The study suggests that communities in Malaysia need to put more effort in the involvement of outdoor recreational activities through self-driven motivations and determinations, experiences, and achievements as these characteristics are perceived as pillars of strength in increasing motivation.

BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Latar Belakang Kajian

Rekreasi luar atau aktiviti riadah telah dianggap penting dan semakin popular di seluruh dunia. Aktiviti rekreasi merupakan sebahagian daripada kehidupan kerana faedah yang disumbangkan kepada peningkatan taraf hidup, menerapkan nilai positif dan bermanfaat, serta mempertimbangkan hak bagi setiap manusia tanpa mengira status atau kebolehan (Hayir-Kanat & Breuste, 2020, Lin, Liu, Xiao, & Luo, 2022). Maka, adalah menjadi satu kewajipan untuk memperhatikan faktor-faktor yang mempengaruhi kepada penggunaan dan faedah penglibatan rekreasi luar (Hayir-Kanat & Breuste, 2020). Perkara ini telah termaktub sejak 75 tahun lamanya dengan bermula pada 1948, seperti yang dinyatakan di dalam Perkara 24 dan 27, Pengisytiharan Hak Asasi Manusia Sejagat (FOMCA, 2017; UN, 2023), iaitu setiap daripada manusia itu mempunyai hak untuk mengakses masa lapang dan rehat. Perkara ini menjelaskan bahawa setiap individu bebas untuk menggunakan ke semua sumber rekreasi yang ada bagi tujuan berekreasi. Bagi sesebuah negara maju, aktiviti rekreasi luar dan aktiviti yang berasaskan alam semula jadi telah menjadi simbol kepada gaya hidup sihat dan moden (Haegeli & Pröbstl-Haider, 2016; Mata et al., 2022). Walau bagaimanapun, faedah yang diperolehi daripada penglibatan rekreasi luar adalah berbeza-beza bagi setiap individu tersebut (Chen et al., 2017; Lin et al., 2022).

Setiap penglibatan rekreasi luar memainkan peranan penting dalam memberikan pengaruh yang signifikan terhadap fisiologi dan psikologi manusia (Chen, Tsai, Lin, & Huang et al., 2017) dan setiap penglibatan memberi peluang untuk berlakunya interaksi manusia dengan alam kerana ianya menyumbang kepada

kesejahteraan penduduk Zanon et al., (2019). Menerusi penyediaan kawasan rekreasi dan kemudahan rekreasi, ianya menjadi pemangkin kepada pelaksanaan konsep kejiranan komuniti dan seterusnya mewujudkan satu persekitaran yang lebih kondusif serta berdaya huni (RFN4, 2021). Rekreasi luar mempunyai nilai kepentingan kepada masyarakat melalui aspek, i) nilai dari dimensi ekonomi (penawaran kawasan yang strategik kepada pelabur, urus tadbir, pekerja, perhatian pembeli, tumpuan kepada penyediaan perkhidmatan bersepadu), ii) nilai dari dimensi sosial (membentuk identiti budaya sesuatu kawasan dengan sebahagian watak-watak yang unik di dalamnya, wujud tanpa ada perbezaan asal-usul, perbezaan etnik, perbezaan budaya), dan iii) sebagai nilai dari dimensi biodiversiti dan alam semulajadi (mengurangkan ‘kesan pulau haba’, memperbaiki ketidakseimbangan yang berlaku—kenaikan suhu bandar dan luar bandar) (PLANMalaysia@Semenanjung Malaysia (JPBDSM, 2006).

Penglibatan aktiviti rekreasi luar telah meningkat secara meluas dengan melibatkan populasi yang besar dari pelbagai kategori penduduk seperti golongan tua, dewasa, remaja, dan juga kanak-kanak (Sidi & Radzi, 2017; Sidi, Radzi, Aman, & Yasim, 2017; Garis Panduan Piawai Perancangan Menyeluruh Negeri Terengganu (SeGP), 2018; Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021). Secara umumnya, penglibatan dan permintaan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar sangat berbeza kerana kedua-dua golongan ini memiliki latar belakang yang unik. Ianya secara tidak langsung melahirkan satu gaya hidup yang berbeza dan mencerminkan kepada corak penglibatan aktiviti rekreasi (Wang et al., 2000; Chen et al., 2017). Melihat dari konteks masyarakat bandar, mereka lebih cenderung memilih kawasan yang menawarkan lebih banyak aktiviti rekreasi, ketersediaan peralatan rekreasi yang berkualiti, dan jarak kepada kemudahan sukan berbanding dengan kawasan semulajadi yang menarik (Muslim, Kadir, Yahya &

Mamat, 2017; Chen, et al., 2017) berbanding masyarakat luar bandar yang kurang berminat dengan aktiviti rekreasi (Lin et al., 2022). Bagi Kellstedt, Schenkelberg, Essay, Von Seggern et al., (2021), golongan belia dan kanak-kanak dalam masyarakat luar bandar lebih banyak mengalami halangan atau kekangan di dalam penglibatan rekreasi luar berbanding rakan mereka yang tinggal di bandar. Malah, Chick, Hsu, Yeh, Hsieh, et al., (2022) menyatakan golongan warga tua lebih kerap menyatakan faktor umur dan kesihatan sebagai halangan utama kepada penglibatan rekreasi luar berbanding golongan yang lebih muda. Golongan warga tua lebih memilih untuk melakukan aktiviti pasif yang mampu memberikan ketenangan dan merehatkan minda.

Bagi masyarakat luar bandar dan bandar yang moden, aktiviti rekreasi luar dilakukan pada tempat yang relevan. Namun begitu, interaksi dengan persekitaran semakin berkurangan secara beransur-ansur. Golongan ini mencari ruang dan peluang untuk melakukan interaksi sosial di dalam kumpulan dan persekitaran, walaupun untuk jangka waktu yang singkat (Cetinkaya et al., 2017). Penyediaan taman awam, kawasan hijau, dan ruang rekreasi di kawasan perumahan, perdagangan, industri, pelancongan, dan industri berperanan besar dalam menyumbang kepada kesejahteraan sosial, kesihatan fizikal dan mental (Freeman & Eykelbosh, 2020), mengurangkan tekanan psikologi serta emosi (Geng et al., 2020) dan meningkatkan tahap kesihatan (Geng et al., 2020). Berdasarkan kepada Freeman & Eykelbosh (2020), penyediaan kawasan hijau dan kawasan terbuka untuk rekreasi luar adalah sebahagian daripada sistem yang berkembang dan berperanan penting dalam memotivasikan masyarakat keseluruhannya untuk terlibat secara langsung dengan aktiviti rekreasi luar. Peranan rekreasi luar akan terus dikaitkan sebagai pendekatan terbaik dalam meningkatkan kualiti fizikal dan mental, membina hubungan sosial yang baik dalam kelompok komposisi sosial dan komuniti serta penghargaan kepada persekitaran.

1.2 Kawasan Luar Bandar

Istilah luar bandar masih lagi dianggap samar-samar/tidak jelas (Ashley & Maxwell, 2001) sama ada secara konsep atau empirikal (Wiggins & Proctor, 2001). Kawasan luar bandar ditakrifkan sebagai kawasan yang berada di luar pembangunan bandar dan pusat ekonomi wilayah negara atau kawasan desa atau dikategorikan sebagai ‘bukan kawasan perbandaran’ (Aliasak, 2008), semua penduduk, perumahan, dan wilayah tidak termasuk dalam kawasan perbandaran atau bandar berkelompok (Ratcliffe, 2016). Walau bagaimanapun, kawasan luar bandar menjadi lebih penting dalam pembangunan ekonomi, sosial, dan pembangunan spatial, seterusnya ianya menjadikan peranan bandar itu semakin berkembang terhadap keseluruhan wilayah (Ashley & Maxwell, 2001; Ögdül, 2010). Berdasarkan kepada Jabatan Perangkaan Negara (2000), kawasan luar bandar adalah sebagai sebuah kawasan desa. Ianya merupakan satu penempatan yang meliputi semua jenis kampung dan petempatan kecil yang kurang daripada 10 000 orang penduduk dan bercirikan kawasan pertanian serta kawasan alam semulajadi. Antara ciri-ciri utama bagi sesebuah kawasan luar bandar adalah corak petempatan sama ada secara berkelompok, berpusat, berjajar, atau berselerak, dan aktiviti sosial budaya (contoh; aktiviti kemasyarakatan, dan kebudayaan).

Kawasan luar bandar yang berhampiran dengan bandar (metropolitan) memenuhi pelbagai fungsi untuk penduduk bandar dan menawarkan pelbagai kemudahan ekosistem. Mereka turut menyediakan dan menyokong bekalan makanan, minuman serantau, serta tenaga yang boleh diperbaharui melalui angin, air, mengawal selia dan memperbaiki iklim, mengurangkan risiko banjir, dan seterusnya berfungsi sebagai kawasan rekreasi untuk penduduk bandar (Boll et al., 2014). Dengan memiliki integriti dan kekayaan semula jadinya, kawasan luar bandar dilihat terus menawarkan

peluang kepada pembaharuan dan aktiviti rekreasi bagi keperluan penduduk bandar pada masa akan datang (Sari, 2019).

1.3 Kawasan Bandar

Merujuk kepada (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2010; Dasar Perbandaran Negara Kedua, 2016; PLANMalaysia Semenanjung, 2019; PLANMalaysia@Kedah, 2021), bandar didefinisikan sebagai kawasan yang diwartakan serta kawasan tepu bina melebihi lima kilometer yang bersempadanan dengannya, dan gabungan dari kedua-dua kawasan ini yang mempunyai jumlah penduduk pada jumlah 10 000 orang atau Kawasan Pembangunan Khusus atau Pusat Pentadbiran Daerah yang berhampiran dan sekurang-kurangnya 60% penduduk yang berumur antara 15 tahun dan ke atas terlibat dengan aktiviti bukan pertanian. Antara ciri-ciri utama bagi sesebuah kawasan bandar adalah mempunyai kemudahan awam/sosial yang bertahap tinggi, lebih lengkap dan berteknologi canggih.

Perkataan ‘bandar’ dan dengan lanjutan kepada frasa ‘luar bandar’ mempunyai sekurang-kurangnya tiga makna/dimensi, iaitu i) perbezaan yang lebih ketara untuk dilihat dengan berdasarkan kepada kawasan atau tanah yang dibina dan tidak dibina (tepu bina dan tidak tepu bina), ii) persekitaran yang lebih besar bagi sesebuah komuniti tertentu yang ditakrifkan sebagai fizikal, dan iii) istilah yang lama digunakan bagi menggambarkan pengasingan ekonomi daripada tanah sebagai sumber pendapatan langsung atau pembangunan kekayaan generasi akan datang (Bibby & Shepherd, 2004). Sifat bandar secara dasarnya merupakan sebuah petempatan yang agak tetap dengan penduduknya yang khusus, dan di dalam masa yang sama turut terlibat dengan pelbagai corak kegiatan harian (selain daripada aktiviti pertanian) (Bergel, 1955; Hawley, 1981). Bandar adalah sebagai ‘satu unit sempadan pentadbiran

yang tetap dengan memiliki kepadatan yang relatif, di mana penduduknya bekerja di dalam pelbagai bidang pengkhususan bagi tujuan menyara diri (terkecuali bidang pertanian), namun saling bergantung antara orang yang tinggal di tempat lain yang terlibat dengan pelbagai aktiviti' (Hawley, 1971). Bandar adalah berlandaskan kepada empat kriteria yang utama iaitu, i) kebanyakan negara menggunakan saiz penduduk sebagai takrifan utama bandar, ii) fungsi pentadbiran sesebuah bandar, iii) takrifan melalui kriteria sosiologi, dan terakhir iv) adalah melalui hasil gabungan ketiga-tiga kriteria yang dinyatakan (Mohamad, 1985).

1.4 Perbandingan Kawasan Luar Bandar Dan Bandar

Bagi membuat perbandingan antara kawasan luar bandar dan bandar, ianya menjadi lebih sukar dan mencabar kerana masyarakat pada masa kini secara keseluruhannya semakin maju/berkembang dengan peningkatan yang ketara, seterusnya menjadikan kehidupan luar bandar dan bandar menjadi lebih setanding atau hampir sama. Pada peringkat gaya hidup, ianya sudah pasti terdapat perbezaan yang ketara antara kawasan luar bandar dan bandar bagi mana-mana negara di dunia. Situasi ini boleh disaksikan melalui pemerhatian dari segi penggunaan dan pendedahan kepada teknologi dan aktiviti ekonomi (Löw, 2021). Penekanan dalam penjelasan kepada klasifikasi kawasan luar bandar dan bandar ini adalah berdasarkan kepada morfologi penempatan luar bandar (bentuk fizikalnya) dan dalam konteks geografi yang lebih besar bagi penempatan tersebut. Kaedah ini dapat memastikan bahawa komponen paling penting iaitu komponen fizikal agar tidak terlepas pandang (Bibby & Shepherd, 2004).

Transformasi kawasan luar bandar dan bandar di bawah kesan ekonomi global, sosial dan politik telah menjadikan sempadan antara mereka menjadi kabur. Sehubungan dengan itu, ianya menjadi semakin sukar/rumit bagi membuat perbezaan yang jelas antara kawasan luar bandar dan bandar itu sendiri (Öğdül, 2010). Terdapat sedikit kesukaran untuk membuat pemisahan antara luar bandar dan bandar apabila hubungan luar bandar dan bandar menjadi semakin kompleks. Setiap perubahan yang dialami di dunia memerlukan pentakrifan semula tentang luar bandar dan bandar itu sendiri (Champion, 2004).

1.5 Perundangan dan Dasar Berkaitan Penyediaan Kawasan Lapang dan Rekreasi

Seiring dengan perubahan global, potensi dan kualiti industri landskap (termasuk rekreasi) perlu dipertingkatkan dan diberi perhatian kerana ianya satu nilai ekonomi dan sumber pulangan kepada ekonomi baharu negara. Penyediaan taman rekreasi awam yang berkonsepkan taman persekutuan di setiap negeri adalah peluang untuk meningkatkan akses masyarakat kepada kawasan rekreasi. Dalam tempoh 25 tahun, seluas 9 467 ekar taman telah dibangunkan di seluruh negara yang bertujuan untuk memenuhi keperluan masyarakat dan memberi impak kepada peningkatan kualiti hidup dan persekitaran. Kewujudan taman-taman dan kawasan rekreasi awam adalah berpotensi sebagai terapi kepada masyarakat untuk meredakan tekanan hidup, dan menyumbang kepada peningkatan kesejahteraan mental dan fizikal (Bernama, 2022). Berdasarkan kepada Dasar Perbandaran Negara Kedua (DPN2) (2016-2025), Prinsip 5 (Pembangunan Hijau) telah memberi fokus kepada penerapan elemen hijau di dalam pembangunan iaitu dengan penerapan elemen-elemen pembangunan hijau.

Penyediaan dan perancangan kawasan lapang dan rekreasi adalah tertakluk kepada peruntukan perundangan yang telah termaktub di dalam Kanun Tanah Negara 1956 (Akta 828), Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172), Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171), Akta Jalan, Parit, dan Bangunan 1974 (Akta 133); dan Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam (UKBS 1984). Selain itu, dasar dan ketetapan berkaitan perancangan dan penyediaan kawasan lapang dan rekreasi adalah dengan memperbanyakkan kawasan hijau dan meningkatkan fungsinya untuk dimanfaatkan sebagai ruang interaksi sosial (Rancangan Fizikal Negara Keempat (RFN4) (2021) dan penambahan saiz dan kualiti kawasan hijau (DPN2, 2016). Oleh itu, bagi memenuhi dasar di dalam RFN4 dan DPN2, PBT perlu mempercepatkan proses penwartaan kawasan lapang, tidak membenarkan pembangunan dilakukan di atas kawasan lapang, dan sasaran dua hektar kawasan lapang bagi setiap 1 000 orang penduduk untuk mencapai tahap sebagai sebuah negara maju (Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang, 2021).

1.6 Penyataan Masalah

Walaupun terdapat banyak kajian yang telah dijalankan mengenai motivasi dan halangan di dalam penglibatan rekreasi luar, namun tiada kajian yang didedikasikan bagi memahami motivasi dan halangan penglibatan dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar, bagi konteks Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu yang dijalankan adalah bagi mengenal pasti motivasi dan halangan penglibatan yang dihadkan secara khusus kepada sesebuah kawasan (contoh, pusat pengajian) (Sidi et al., 2017; Sidi & Radzi, 2017), kumpulan demografi (contoh, remaja, etnik) (Chen, et al., 2020; Kellstedt et al., 2021), pilihan aktiviti lasak (contoh, *hiking*) (Muslim, et al., 2018), faktor mempengaruhi minat penglibatan aktiviti rekreasi bagi masyarakat luar

bandar dan bandar (Chen et al., 2017), faktor mempengaruhi keputusan dan jumlah penglibatan aktiviti rekreasi luar bagi masyarakat bandar di Malaysia (Cheah et al., 2017), motivasi dan pilihan aktiviti rekreasi luar (Gaffar, et al., 2019), dan pengalaman berkaitan alam semula jadi semasa kanak-kanak di bandar dan luar bandar (Muslim et al., 2017).

Rekreasi luar merupakan aktiviti yang penting dan penglibatannya dipengaruhi oleh motivasi dan halangan. Motivasi merupakan konsep kritikal dalam menentukan dan memahami sebab individu melakukan rekreasi (Gaffar et al., 2018). Namun, motivasi sahaja tidak menjamin kepada penglibatan masyarakat dalam aktiviti rekreasi, kerana kewujudan faktor halangan (seperti interpersonal, intrapersonal, dan struktur) yang mempengaruhi penglibatan rekreasi luar. Kekurangan maklumat serta pemahaman tentang faktor yang berkaitan dengan halangan lebih menyukarkan penyedia kawasan rekreasi untuk bergerak bagi menyediakan satu perkhidmatan rekreasi yang lebih berkesan untuk diakses oleh masyarakat (Gaffar et al., 2018).

Perkembangan teknologi telah mengubah cara hidup masyarakat masa kini. Perubahan bermula dari revolusi industri atau *Industrial Revolution* iaitu zaman stim (IR 1.0: 1700an-pertengahan 1800an), elektrik (IR 2.0: pertengahan 1800an-awal 1900an), pengkomputeran (IR 3.0: 1970an), dan era kini yang menekankan personaliti dan penyesuaian kepada teknologi *Artificial Intelligence (AI)* (IR 4.0: 2018) seperti ChatGPT (Vaidya et al., 2018; Chen et al., 2020). Tranformasi kepada perubahan corak mobiliti manusia sejak IR 3.0 turut mempengaruhi kepada tingkah laku dan kesejahteraan manusia secara mikro dan perubahan sosial secara makro (Kung et al., 2014; Wu, Leung, Jiang, & Zheng et al., 2016). Perkembangan ini telah merubah cara hidup masyarakat kini, dan ianya jauh berbeza dengan cara kehidupan orang terdahulu (Vaidya et al, 2018; Chen et al., 2020). Rekreasi luar berlaku di dalam evolusi sosial

manusia yang lebih besar serta didorong oleh perubahan teknologi. Sifat pengunjung rekreasi moden mula menunjukkan perubahan apabila teknologi mencipta rasa (*sense*) kebolehan baharu, dan komunikasi mencipta cara baru dalam pemikiran sosial (Valenzuela, 2020).

Kehidupan di bandar lebih menggalakkan kepada gaya hidup sedentari. Kepadatan penduduk, kesesakan lalulintas, peningkatan jumlah penggunaan kenderaan, dan kekurangan ruang awam (Frank & Engelke, 2005; Chen et al., 2020), fasiliti yang tidak mencukupi, kekurangan masa, kurangnya pengetahuan (Alexandris & Stodolska, 2004; Lin et al., 2022) adalah halangan biasa bagi penduduk bandar dan menjadikan aktiviti rekreasi lebih sukar (Lin et al., 2022). Amalan gaya hidup sedentari, pengurusan masa yang lemah, dan kurang kesedaran tentang kepentingan kehidupan aktif adalah antara faktor yang memberi risiko dan cabaran kepada kesihatan (Li et al., 2016; Siwar et al., 2016; González et al., 2017; Diza-Godiño et al., 2019; Chen et al., 2020, RMKe-12, 2021). Kebanyakan individu menghabiskan lebih daripada 90% masa untuk berada di dalam bangunan (Klepeis et al., 2001; Chen et al., 2020), dan baki masa yang terhad itu lebih menyukarkan untuk mereka terlibat di dalam aktiviti rekreasi luar (Matthews et al., 2015, Chen et al., 2020).

Sementara itu, penglibatan rekreasi luar menjadi lebih mencabar ketika berlakunya krisis kesihatan global pandemik Covid-19, ancaman kesihatan yang tidak pernah berlaku sebelumnya di Malaysia dan negara dunia pada awal tahun 2020 (Rice et al., 2020; Sipalan et al., 2020; Lim & Pranata, 2020; Thorpe, 2020). Penularan Covid-19 telah menyekat pergerakan kepada semua aktiviti rekreasi yang bertujuan untuk mengurangkan sentuhan dan mengurangkan kadar jangkitan (Day, 2020; Sukumaran, 2020), dan telah membawa kepada tekanan serta ketakutan yang ketara kepada masyarakat global (Bao et al., 2020; Xie et al., 2020). Kehilangan akses dan

peluang penglibatan rekreasi luar telah menghalang kebolehan individu untuk terlibat dengan persekitaran semulajadi yang memulihkan dan melarikan diri daripada tekanan krisis (Rung et al. 2011; Samuelsson et al. 2020; Bavel, 2020; Wong et al., 2020).

Dasar perancangan dan kawasan lapang sering kali ditafsir secara berbeza dan mengakibatkan berlakunya amalan penyediaan dan pelaksanaan yang tidak seragam. Ketidakteraturan ini telah menyebabkan penyediaan kawasan lapang yang tidak selaras dan tidak mencukupi bagi menampung keperluan semasa, kawasan lapang yang disediakan berada di lokasi yang tidak sesuai dan tidak berfungsi dengan baik, berlakunya pengecualian penyediaan kawasan lapang khususnya bagi pembangunan yang melibatkan keluasan lot pembangunan yang bersaiz kecil, penyalahgunaan kawasan lapang, dan penyelenggaraan kawasan lapang yang lemah oleh PBT (Garis Panduan Perancangan Kawasan Lapang dan Rekreasi, 2021).

1.7 Tujuan Kajian

Tujuan kajian ini dalam konteks Malaysia semasa, adalah untuk mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti motivasi dan halangan yang mempengaruhi minat masyarakat dalam penglibatan rekreasi luar, serta sebagai pendekatan dalam mengatur strategi yang terbaik bagi berunding dengan halangan yang wujud. Selain itu, penerokaan kepada kajian ini adalah untuk mengisi jurang (*gap*) dalam kajian literatur tentang rekreasi luar dengan mengenal pasti faktor-faktor yang berkaitan dengan motivasi dan halangan penglibatan rekreasi luar dalam kalangan penduduk luar bandar dan bandar di Malaysia. Ini kerana terdapatnya jurang di dalam pemahaman tentang faktor-faktor berkaitan dengan penglibatan rekreasi luar di kawasan luar bandar dan bandar.

Hasil penyelidikan ini diharap dapat membantu dalam libat urus secara berterusan dengan PBT untuk memastikan setiap pembangunan kemudahan sukan dan kawasan rekreasi baharu berdasarkan keperluan komuniti setempat. Penyediaan kemudahan rekreasi yang lengkap dan baik amat diperlukan yang bertujuan untuk mengoptimumkan penggunaannya. Pendekatan ini secara tidak langsung dapat mempromosikan gaya hidup aktif melalui aktiviti rekreasi luar kepada masyarakat di luar bandar dan bandar.

1.8 Objektif Kajian

Kajian ini melibatkan empat objektif utama dan di antaranya adalah:

- i. Untuk mengenal pasti faktor motivasi penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar.
- ii. Untuk menentukan perbezaan motivasi penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar.
- iii. Untuk menentukan halangan yang mempengaruhi penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar.
- iv. Untuk menilai hubungan di antara motivasi dan halangan bagi penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar.

1.9 Persoalan Kajian

Persoalan yang menjadi panduan kepada kajian ini adalah seperti berikut:

- i. Apakah motivasi yang mendorong dan menarik perhatian masyarakat luar bandar dan bandar untuk terlibat dalam aktiviti rekreasi luar?

- ii. Adakah terdapat perbezaan motivasi terhadap penglibatan rekreasi luar di antara masyarakat luar bandar dan bandar?
- iii. Apakah halangan yang mempengaruhi penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar?
- iv. Apakah hubungan di antara motivasi dan halangan dalam penglibatan rekreasi luar bagi masyarakat luar bandar dan bandar?

1.10 Signifikan Kajian

Hasil kajian memberikan gambaran menyeluruh yang mencerminkan kepada motivasi dan halangan terhadap penglibatan rekreasi luar di Malaysia. Dengan itu, hasil kajian secara tidak langsung dapat membantu pihak berwajib, penggubal dasar dan polisi, dan penyedia kawasan rekreasi untuk memahami setiap keperluan yang dapat membantu dalam menyediakan peluang rekreasi luar yang sesuai serta boleh diakses oleh setiap lapisan masyarakat. Kajian ini juga seharusnya dapat membantu secara lebih berkesan dalam menggalakkan interaksi sosial masyarakat serta mengamalkan gaya hidup aktif melalui penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar.

Pandangan daripada kajian ini juga dapat membantu penyedia kawasan rekreasi untuk menyediakan kemudahan sukan dan kawasan rekreasi di setiap kawasan tumpuan yang bertujuan bagi meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti rekreasi luar di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini memberikan pendedahan kepada kajian literatur berkaitan dengan rekreasi luar, motivasi dan halangan, serta strategi dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar di Malaysia.

1.11 Metodologi Kajian

Penyelidikan ini menggunakan pendekatan kuantitatif iaitu melalui soal selidik yang menjadi atribut utama dalam proses mendapatkan maklum balas yang tepat kepada topik kajian. Ahmad (2015) menjelaskan, pendekatan kuantitatif mampu untuk mengesahkan, memproses maklumat secara terperinci dan memberikan pandangan kepada masyarakat luar untuk lebih faham tentang fenomena yang sedang dikaji. Pendekatan kuantitatif dapat memberikan hasil analisis dengan lebih terperinci dan menjawab kepada setiap persoalan kajian yang telah dibangunkan.

1.12 Struktur dan Organisasi Kajian

Tesis ini akan dibahagikan kepada lima bab untuk menerangkan proses penyelidikan daripada awal mengenalpasti masalah sehingga ke akhir langkah akhir untuk menggalakan masyarakat terus terlibat secara aktif di dalam aktiviti rekreasi luar. Bab satu akan membincangkan tentang pengenalan kajian, permasalahan kajian, persoalan, objektif, signifikan kajian dan struktur kajian. Keseluruhan bab memberikan gambaran awal secara ringkas berkenaan tujuan kajian ini dilakukan.

Bab dua membincangkan kajian terdahulu yang merangkumi aspek motivasi penglibatan rekreasi luar, faktor halangan, model halangan, pengelasan kawasan luar bandar dan bandar, motivasi berdasarkan teori dan model kajian terdahulu, perhubungan di antara pembolehubah, dan perbezaan antara pembolehubah. *Conceptual Framework* dan *Theoretical Framework* turut dipersembahkan di dalam bab ini.

Seterusnya, bab tiga menerangkan secara terperinci tentang kaedah kajian yang digunakan. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif iaitu melalui soal selidik '*self-administered on site*' di mana setiap masyarakat yang melibatkan diri dalam aktiviti rekreasi luar akan terlibat sebagai responden kajian. Selain itu, antara perkara lain yang diterangkan di dalam bab ini adalah reka bentuk penyelidikan, jenis persampelan, instrumen kajian, dan diakhiri dengan beberapa jenis analisis berdasarkan data primer yang diperolehi.

Ini diikuti dengan penyediaan bab empat yang akan mempersembahkan segala hasil dapatan kajian daripada proses pengumpulan data soal selidik. Dapatan kajian dan analisis akan mempersembahkan latar belakang responden, maklum balas responden berkaitan motivasi dan halangan penglibatan. Selain itu, bab ini turut mempersembahkan hasil dapatan kajian secara menyeluruh dan terperinci yang diperolehi daripada keputusan analisis yang telah dilakukan.

Bab lima adalah bahagian terakhir di dalam kajian ini. Bab ini membincangkan tentang penemuan, cadangan, dan kesimpulan kajian. Selain itu, di bahagian akhir bab turut membincangkan tentang implikasi kajian terhadap model, teori, dan pengetahuan.

1.13 Rumusan

Secara keseluruhannya, bab ini menjelaskan keseluruhan tesis secara ringkas. Tesis ini membincangkan tentang motivasi dan halangan penglibatan rekreasi luar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar. Setiap individu mempunyai faktor yang mendorong untuk terlibat dengan aktiviti rekreasi luar. Kajian ini turut menjelaskan kepentingan penglibatan diri terhadap rekreasi luar sebagai medium

untuk meningkatkan daya ketahanan diri dan usaha untuk mencipta rasa rutin '*sense of routine*' dalam kehidupan harian.

BAB 2

KAJIAN LITERATUR

2.1 Pengenalan

Rekreasi luar telah dikaitkan dengan pelbagai faedah dan perkembangan psiko-sosial, termasuk peningkatan kemahiran sosial, peningkatan konsep sendiri, peningkatan penyesuaian sosial, keyakinan diri, sikap toleransi terhadap orang lain, rasa bahagia, dan peningkatan di dalam kumpulan (McAvoy, Smith, & Rynders, 2006; Dorsch, E., Richards, Swain, & Maxey, 2016). Rekreasi luar merupakan platform yang dapat mewujudkan peluang untuk berinteraksi secara sosial dan berkomunikasi di antara satu sama lain, yang mana menjadi aspek paling penting untuk dipertimbangkan dalam kehidupan seharian. Pemilihan kepada aktiviti rekreasi luar secara tidak langsung akan melibatkan satu pengalaman dan makna penglibatan yang selari iaitu fizikal, mental, sosial, spiritual, atau hasil estetik (Librett, Henderson, Godbey, & Morrow, 2007). Ianya membantu untuk mengeratkan hubungan yang positif dengan orang lain termasuk sesama ahli keluarga (Dorsch et al., 2016). Faedah kepada penglibatan rekreasi luar juga penting kepada pencapaian hasil (kepuasan) serta kualiti hidup individu. Namun, pada masa-masa yang tertentu atau di luar kebiasaannya, banyak aspek yang perlu dihargai berkaitan perkhidmatan dan kemudahan rekreasi (Muhammad et al., 2020, Venter et al., 2020).

Impak kepada penglibatan rekreasi luar tidak sahaja menghasilkan satu faedah, malah, ianya mewujudkan satu rangkaian seperti satu kitaran yang menghubungkan satu manfaat kepada yang lain serta mewujudkan satu siri hasil yang bermanfaat untuk masyarakat (Devine & Datillo, 2000). Faedah ini tidak hanya dicapai oleh golongan tertentu sahaja, sebaliknya ianya merangkumi ke semua golongan yang melibatkan diri

dalam rekreasi luar. Penglibatan rekreasi luar memerlukan manusia untuk mencari alam semula jadi, dengan tujuan bagi mengisi keperluan psikologi, emosi, dan rohani. Ini kerana pengaruh alam semula jadi merupakan salah satu faktor yang mempengaruhi status kesihatan, kebahagiaan dan kesejahteraan hidup (Chen et al., 2020).

Apa yang menjadi keutamaan adalah, penglibatan rekreasi luar boleh membantu mencegah pelbagai penyakit yang berpunca dari gaya hidup yang tidak aktif, dan pada masa yang sama ianya turut membantu dalam mengekalkan gaya hidup yang positif dan sihat (Cheah et al., 2017). Di Malaysia, pesakit dewasa dan kanak-kanak direkodkan telah meningkat sebanyak dua kali ganda dalam tempoh empat tahun kebelakangan kerana disebabkan perubahan dalam cara hidup (Chen et al., 2020; Drenowatz, Hinterkorn, & Greier, 2020). Kesan gabungan proses urbanisasi (pencemaran, gaya hidup tidak sihat, dan pemakanan yang tidak baik) menyumbang kepada jangkitan penyakit yang semakin meluas di kalangan masyarakat (Drenowatz, Hinterkörn, & Greier, 2020). Secara keseluruhannya, faedah kepada penglibatan rekreasi membawa kepada peningkatan keyakinan sosial di dalam persekitaran komuniti. Ini menggambarkan kepada kesan kitaran faedah penglibatan rekreasi luar secara kolektif.

2.2 Rekreasi

Rekreasi memerlukan aktiviti, program dan perkhidmatan yang akan memberikan keseronokan, dan kegembiraan (Çay, 2016). Adalah menjadi kebiasaan, aktiviti rekreasi luar berlaku di kawasan terbuka dengan kehijauan atau dikelilingi oleh komponen atau elemen alam semula jadi (Hayir-Kanat & Breuste, 2020). Faktor persekitaran semulajadi yang menyenangkan menjadi sebahagian daripada khidmat

yang teratur dalam sesebuah organisasi, komuniti atau kemasyarakatan yang menyumbang kepada kelestarian (Winter et al., 2020).

Setiap penglibatan berfungsi sebagai memenuhi keperluan dan matlamat sosial kepada individu pengguna, kumpulan dan kelompok masyarakat yang besar. Kini, tren penglibatan rekreasi luar semakin menunjukkan perkembangan yang positif dan, seterusnya menjelmakan pelbagai persepsi terhadap rekreasi dan keperluan pemilihan aktiviti (yang diinginkan). Tren peningkatan ini adalah kesan daripada beberapa faktor seperti peningkatan taraf hidup (struktur ekonomi), perubahan sektor pekerjaan, dan perubahan corak gaya hidup masyarakat itu sendiri (Mansor et al., 2019). Aksoy et al. (2017) menyifatkan setiap golongan masyarakat mempunyai keperluan fizikal dan emosi serta keperluan untuk bersosial (bersukan). Mengendalikan kehidupan harian adalah satu perkara 'yang paling dramatik' bagi manusia moden dan ianya harus diselesaikan (Aran, 2014). Sebagai rumusan, rekreasi luar semakin diperlukan kepada masyarakat luar bandar dan bandar, dan menjadikannya lebih mudah dicapai berikutan daripada penyediaan aktiviti, dan fasiliti yang lengkap.

2.2.1 Rekreasi Luar

'Rekreasi luar' memerlukan penglibatan secara sukarela dan berlaku di luar rumah dengan melibatkan interaksi dengan sumber serta persekitaran semula jadi (Sidi & Radzi, 2017; Sidi et al., 2017). Rekreasi luar merangkumi pelbagai bentuk aktiviti yang dilakukan ketika berada diluar waktu bekerja, dan aktiviti dilakukan di persekitaran hutan seperti gunung, padang, atau hutan dan termasuk aktiviti yang dilakukan di persekitaran yang lebih maju seperti taman, bandar, atau taman permainan (Jones, Anderson, Häkkinen, & Cheverst et al., 2018). Aktiviti rekreasi luar merangkumi aktiviti yang berbeza daripada sukan tradisional kerana melibatkan alam

semula jadi, peralatan dan bahan khusus, merasai keseronokan, meningkatkan adrenalin, risiko, emosi, dan mengatasi ketakutan (Mata et al., 2022). Rekreasi luar melibatkan hubungan secara terus dengan sumber-sumber rekreasi dan persekitaran semula jadi. Setiap aktiviti rekreasi luar berlaku di luar rumah atau di persekitaran semula jadi yang dilakukan secara bersendirian atau berkumpulan (Pigrim & Jenkins, 1999; Lu & Hu, 2005; Çay, 2016; Sidi & Radzi, 2017). Kesedaran masyarakat umum terhadap impak baik rekreasi luar kepada gaya hidup sihat semakin meningkat. Hal ini menjadikan adanya peningkatan terhadap permintaan rekreasi luar melalui penyediaan kemudahan ekosistem serta kemudahan aktiviti (Jensen & Guthrie, 2006; Holland et al., 2018). Rekreasi luar bermula dari sangat pasif hingga sangat aktif, dari bersendirian hingga kumpulan sosial, termasuk aktiviti, yang tidak hanya terhad kepada berjalan, duduk, berehat, menikmati pemandangan, berbasikal, bersenam dan sebagainya (Bell et al., 2007, Hayir-Kanat & Breuste, 2020) dan menjadi antara aktiviti yang paling popular dalam kalangan penduduk.

Penglibatan rekreasi luar iaitu aktiviti aktif dan pasif mengambil pertimbangan kepada beberapa aspek asas iaitu melalui penawaran kemudahan fasiliti dan permintaan. Penawaran dan permintaan berinteraksi melalui proses membuat keputusan untuk menonjolkan corak aktiviti rekreasi luar (Aşan & Emeksiz, 2018). Dengan itu, penekanan kepada faktor persekitaran semulajadi akan menyumbang pelbagai faedah terhadap manusia (Wolsko et al., 2019). Sumbangan tersebut adalah dari aspek menghubungkan manusia dengan warisan semula jadi dan budaya, penjana pendapatan dengan tujuan pemuliharaan kawasan, penyumbang kepada ekonomi tempatan, memupuk identiti tempatan dan mengembangkan kesedaran pemuliharaan dalam kalangan masyarakat. Rekreasi luar boleh dirujuk sebagai spektrum penglibatan aktiviti yang luas semata-mata untuk mendapatkan keseronokan

dengan melibatkan interaksi antara pengguna dan alam semulajadi (Ibrahim & Cordes, 1993, 2002). Secara umumnya, peralihan peradaban, pelancongan, dan rekreasi telah beralih daripada 'margin' yang sangat tidak penting kepada satu kedudukan yang sangat menonjol. Aktiviti rekreasi menjadikan kualiti hidup lebih baik serta memberi ruang untuk mengekspresi diri, membuat pilihan, kawalan, dan perubahan daripada aktiviti rutin (Winter et al., 2020).

2.3 Ruang Luar Bandar-Bandar Dan Rekreasi Luar

Cara kehidupan di bandar berkemungkinan telah meningkatkan keperluan ruang rekreasi luar. Apa yang menjadi keutamaan adalah peranan urbanisasi dalam permodenan, iaitu bukan sahaja memberi fokus kepada pertumbuhan ekonomi, tetapi juga mengambilkira perubahan budaya dan sosial (Cordess & Hutson, 2015; Chen et al., 2020). Proses sosialisasi secara umumnya membantu individu untuk melaksanakan tugas mereka dengan betul dan melaksanakan tanggungjawab yang diperuntukkan terhadap masyarakat, bertindak sebagai penghalang kepada harga diri (Ibrahim & Cordes, 2002). Aspek sosialisasi ini adalah sebagai satu pendedahan kepada individu terhadap penglibatan rekreasi luar pada usia muda (zaman kanak-kanak) dan seterusnya memberikan kesan positif yang amat signifikan kepada tahap penglibatan semasa umur dewasa mereka (Manning & Vaske, 2006; Chen et al., 2020; Puhakka, 2021).

Pelancongan di kawasan luar bandar telah dibangunkan sebagai pemangkin di dalam meningkatkan motivasi individu untuk mengunjungi kawasan luar bandar (Frochot, 2005). Manning & Vaske (2006) berpendapat pihak perancang atau penyedia kemudahan rekreasi perlu menyediakan satu kawasan yang berkualiti tinggi untuk kegunaan bersama. Ini sebagai usaha untuk memenuhi permintaan dan kehendak

pengguna rekreasi yang mendapatkan dan merasai satu pengalaman rekreasi yang berkualiti. Secara realitinya, menyediakan pengalaman yang berkualiti tinggi dan bersesuaian dengan setiap jenis pengguna rekreasi adalah dianggap mustahil kerana setiap pengalaman yang berkualiti untuk seseorang mungkin bukan menjadi satu pengalaman yang berkualiti untuk orang lain (Ewert & Hollensbert, 1989). Walau bagaimanapun, kunci kepada perancangan rekreasi luar adalah ‘mencari dan mendapatkan keseimbangan’ (Pigram & Jenkin, 2006).

Kawasan luar bandar kebanyakannya digunakan sebagai elemen penghayatan kepada alam semula jadi, melakukan aktiviti pertanian dan penglibatan rekreasi hasil daripada kepelbagaian bentuk geografi yang wujud (Goossen & Langers, 2010). Kebanyakan penggunaannya adalah bergantung kepada faktor kualiti kawasan tersebut. Keputusan yang mendorong seseorang itu untuk mengunjungi kawasan rekreasi kerana dengan adanya potensi yang baik dalam menghasilkan sesuatu yang memberi manfaat kepada kesihatan (Srinivasan et al., 2003), faedah fizikal, mental, sosial, komuniti dan alam sekitar (Driver, 1996; Godbey, 2011; Holland et al., 2018). Setiap taman komuniti adalah sumber bagi melakukan aktiviti fizikal kerana ianya disediakan secara terbuka, tersedia dengan kos yang rendah, dan mudah untuk diakses. Para pengkaji percaya bahawa setiap jenis aktiviti rekreasi luar adalah berbeza-beza di keseluruhan ruang bagi kawasan luar bandar dan bandar (Hendee, 1969; Dwyer, 1994; Avery et al, 2019). Sebagai contoh, aktiviti berbasikal, berjalan dilihat biasa bagi kawasan bandar manakala memancing adalah aktiviti kegemaran bagi luar bandar (Goossen & Langers, 2010; Avery et al., 2019). Dengan berpandukan kepada aktiviti rutin tersebut, Dwyer (1994) berpandangan adanya ‘corak’ yang wujud daripada penglibatan rekreasi luar tersebut, dan apa yang dimaksudkan dengan ‘corak’ ialah aktiviti yang memerlukan kemudahan tertentu dan menjadi kebiasaan dan tumpuan di

kalangan penduduk bandar (seperti taman awam, laluan sikal, kolam renang), manakala kawasan seperti tanah kosong / kawasan terbiar (*wildlands*) lebih sinonim di kalangan penduduk luar bandar.

Selain itu, jenis aktiviti rekreasi luar yang tertentu mungkin digunakan dengan cara yang berbeza di kalangan penduduk luar bandar dan bandar (Avery et al., 2019). Menurut Pietilä et al., (2015), akses ruang hijau adalah penting untuk kesihatan diri dan aktiviti fizikal untuk dinilai sendiri untuk penduduk luar bandar dan bandar. Namun, sifat aktiviti tersebut adalah berbeza, apabila penduduk luar bandar lebih gemar melakukan aktiviti rekreasi luar, manakala penduduk bandar lebih mengutamakan perjalanan berulang alik. Malah, kanak-kanak juga turut dipengaruhi oleh perbezaan ini. Bagi Lekies & Brensinger (2017) kanak-kanak luar bandar lebih banyak mengambil bahagian dalam permainan dan rekreasi luar berbanding dengan kanak-kanak di kawasan bandar, namun, pengalaman antara kanak-kanak luar bandar dan bandar adalah sama sehingga tiada perbezaan yang begitu ketara yang wujud di antara mereka.

Banyak petunjuk telah dibangunkan untuk mengukur sesuatu kualiti bagi penglibatan rekreasi luar untuk kawasan luar bandar. Setiap petunjuk bertindak untuk menilai kepentingan relatif terhadap kualiti kawasan luar bandar untuk tujuan berekreasi. Rekreasi luar amat penting kepada penduduk luar bandar dan bandar. Walaupun kawasan bandar seringkali menjadi tumpuan kepada aktiviti rekreasi kerana penyediaan kawasan hijau dan taman, namun kawasan rekreasi luar bandar masih menjadi perhatian dari tarikan kepada masyarakat. Ini kerana masyarakat luar bandar dan bandar mempunyai kekuatan tersendiri untuk mencipta peluang berekreasi. Ia adalah simbolik kepada nilai rekreasi luar bagi kawasan luar bandar, bermaksud masyarakat yang menghargai lanskap kerana keberadaannya (nilai kewujudan), dan

kerana masyarakat sering menggunakan landskap (nilai penggunaan) (Boll et al., 2014a). Kawasan rekreasi luar bandar mempunyai nilai simbolik yang tinggi kepada masyarakat bandar selain daripada penggunaannya, tetapi berkemungkinan berdasarkan kepada kualiti lawatan dan nilai estetika yang lebih tinggi, serta kualiti tempat tinggal di kawasan luar bandar (Boll et al., 2014b).

Perbandingan data global telah mendedahkan ada berlakunya ketidaksamaan yang ketara dalam penglibatan aktiviti rekreasi luar di kalangan masyarakat luar bandar dan bandar (Althoff et al., 2017; Cohen et al., 2017). Komuniti bandar merupakan golongan yang kurang terlibat dengan aktiviti fizikal dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan jangkitan penyakit, dan kemerosotan kualiti kesihatan berbanding di kawasan luar bandar. Oleh yang demikian, atas dasar kepentingan beberapa petunjuk kualiti, ianya menunjukkan wujud daya tarikan di pelbagai kawasan rekreasi luar terutamanya bagi kawasan luar bandar untuk melakukan aktiviti sepertimana yang dilakukan di kawasan bandar (seperti berbasikal, berjalan) dan seterusnya bagi mengurangkan jurang yang wujud antara dua kawasan ini. Berdasarkan kepada perbezaan sumber, persekitaran, dan budaya, maka, terdapat sebab yang menjangkakan bahawa aktiviti fizikal itu berbeza merentasi luar bandar dan bandar (Gessert et al., 2015).

2.3.1 Pengkelasan Kawasan Luar Bandar Dan Bandar

Transformasi kawasan luar bandar dan bandar di bawah kesan ekonomi global, sosial, dan politik telah menjadikan sempadan antara mereka menjadi kabur serta semakin sukar untuk dibezakan (Öğdül, 2010). Secara tradisinya, ruang luar bandar merujuk kepada kawasan yang didominasi oleh elemen landskap semula jadi dan kepadatan populasi yang rendah (Öğdül, 2010; Braga, Remoaldo, & Fiúza, 2016).